KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	03.02.22 (SELASA)	MUKA SURAT	:	5
JABATAN	:	PERHILITAN			

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Putrajaya



PERANGKAP kamera yang dipasang anggota Perhilitan di sekitar hutan di Pos Bihai bagi mengesan kehadiran harimau belang.

PAK BELANG DI POS BIHAI

Hilang jejak, jerat tak terusik

Ghaib ke mana perginya? Persoalan itu timbul apabila kumpulan harimau malaya yang sebelum ini kerap berkeliaran dan membunuh Orang Asli di Pos Bihai, Gua Musang, Kelantan, pada 7 Januari lalu didapati hilang begitu sahaja.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Haiwan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, usaha menjejaki haiwan pemangsa itu masih gagal sejak ia dimulakan hampir sebulan lalu.

Menurutnya, kumpulan harimau yang didakwa kerap berkeliaran di kampung itu seolah-olah hilang jejak selain tidak mengusik umpan jerat hidup dipasang anggotanya.

"Sukar untuk memastikan harimau malaya itu masih merayau di kawasan hutan di sini. Saya sendiri 'turun padang' semalam (kelmarin) untuk melihat dan bertemu anggota Perhilitan yang terus komited bertugas menjaga keselamatan penduduk.

"Hingga kini anggota Perhilitan dibantu Pasukan Gerakan Am (PGA) meneruskan kawalan dan rondaan harian di kawasan penempatan di hutan berkenaan.

"Terbaharu kami hanya menemui kesan tapak kaki harimau belang di hutan berhampiran Pos Bihai kelmarin. Bagaimanapun kelibat harimau belang tidak lagi dilihat penduduk di kawasan itu," katanya.

Kadir berkata, pihaknya kini memasang lebih 50 perangkap kamera di dalam hutan sekitar Pos Bihai sejak dua minggu lalu.

"Semua perangkap kamera ini akan dikumpulkan semula pada hujung minggu ini untuk dianalisa oleh pihak Perhilitan. Langkah ini bagi mengenal pasti sama ada harimau belang digeruni itu masih merayau di sekitar Pos Bihai.

> "Terbaharu kami hanya menemui kesan tapak kaki harimau belang"
> Abdul Kadir

"Jika harimau itu didapati sudah berpindah atau beralih sektor, pihak Perhilitan akan menggunakan pendekatan lain bagi memastikan konflik manusia dan haiwan liar dilindungi itu diatasi," katanya.

Berdasarkan pemerhatiannya semalam, keadaan dan kehidupan masyarakat di Pos Bihai kembali tenang walaupun pihaknya masih mengambil sikap berwaspada.

Menurutnya, kawasan hutan simpan di sekitar Pos Bihai mempunyai keluasan mencecah 2,100 kilometer persegi yang dianggap amat luas.

"Sukar untuk memastikan jumlah sebenar harimau belang di lokasi amat luas yang menjadi habitat semula jadi harimau malaya di Kelantan. Ada kemungkinan ia berpindah lokasi lain selepas mendapati ramai manusia berada di situ (Pos Bihai)," katanya.